

Isu pekerja tidak

UM 10 AUG 2002

Daripada ZULKEFLI HAMZAH
(DI DENPASAR, BALI)

STANA Tampaksiring, kira-kira dua jam perjalanan dari Denpasar begitu istimewa bagi Indonesia kerana merupakan antara tempat istirehat paling disenangi oleh Presiden Sukarno.

Banyak kisah menarik dan misteri berlaku di istana yang terletak di kawasan tanah tinggi di Bali ini. Ia terutama mengenai sebuah kuil di kaki bukit Istana Tampaksiring yang menjadi tempat masyarakat setempat mandi bagi membersihkan dosa-dosa mereka.

Selepas Megawati mengambil alih kepimpinan, Istana Tampaksiring nampaknya semakin mendapat tempat untuknya menginap atau menerima tetamu negara.

Setiap kali mengadakan lawatan ke Bali, Megawati jarang melepaskan peluang untuk menginap atau sekurang-kurangnya singgah di Istana Tampaksiring untuk makan tengah hari.

Pendek kata Istana Tampaksiring amat dekat dengan Megawati walaupun ia pernah dikosongkan pada era pemerintahan Suharto dan kemudiannya dibuka kepada umum semasa pemerintahan Presiden Abdurrahman Wahid (Gus Dur).

Kini peranan Istana Tampaksiring sebagai penginapan rasmi Presiden dikembalikan semula dan pada 7 serta 8 Ogos lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diberi penghormatan untuk menginap di istana itu sebagai tetamu negara.

"Setahu saya ini adalah kali pertama pemimpin tertinggi dua buah negara menginap di istana ini. Biasanya hanya Presiden atau tetamu sahaja yang menginap di sini," kata seorang pegawai protokol Indonesia.

Ini mungkin sebagai tanda penghargaan terhadap Malaysia yang selama ini telah menunjukkan semangat persahabatan dan diplomasi dalam menyelesaikan apa juga masalah yang timbul.

Walaupun pihak protokol menghadapi kesukaran untuk mengendalikan delegasi besar yang mengiringi pertemuan tradisi setahun sekali antara pemimpin tertinggi

kedua-dua buah negara ini tetapi pertemuan dua hari itu berjalan lancar.

Pertemuan Dr. Mahathir - Megawati itu juga disifatkan banyak memberi makna kerana turut menyelitkan agenda menandatangani lima memorandum persefahaman (MoU) dan pelancaran bekalan gas asli dari Indonesia ke Malaysia.

Memorandum persefahaman yang ditan-datangani ialah berhubung kerjasama dalam bidang keluarga dan hal ehwal wanita, hal ehwal imigresen, kerjasama antara majlis perniagaan Malaysia Indonesia dan bekalan gas asli dari Sumatera, Indonesia.

Satu lagi memorandum persefahaman ialah antara Malaysia, Indonesia dan Thailand berhubung langkah untuk menstabilkan harga dan pasaran getah agar tidak

menjejaskan negara-negara pengeluar komoditi itu. Majlis itu turut dihadiri oleh Perdana Menteri Thailand, Thaksin Sinawatra. Dr. Mahathir dan Megawati juga telah menyaksikan pelancaran Lembaga Persahabatan Indonesia-Malaysia (PRIMA) dan Lembaga Persahabatan Malaysia-Indonesia (PERMAI).

"Saya gembira menerima rombongan Malaysia. Ini sebagai tradisi pimpinan negara untuk saling kunjung-mengunjungi walaupun beberapa waktu tertangguh kerana keadaan.

"Tetapi kita telah dapat bertemu dan saya sengaja pilih di Bali," kata Megawati semasa mengadakan sidang akhbar bersama dengan Dr. Mahathir pada hari terakhir pertemuan mereka.

Dr. Mahathir pula semasa dalam kenya-

jejas hubungan

taan balasnya berkata, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi kunjungan berikutnya tetapi mungkin tidak akan dapat menyediakan tempat yang boleh bersaing dengan keindahan di Bali.

Walaupun diselubungi isu tenaga kerja Indonesia berikutan langkah Malaysia menghantar mereka pulang sebelum 1 Ogos lalu yang mendapat kritikan media dan organisasi buruh imigran negara ini tetapi pertemuan berkenaan telah berjalan dalam suasana yang akrab.

Persahabatan

"Pertemuan kali ini dalam suasana persahabatan yang rapat sebagai dua negara jiran yang dekat dari segi budaya dan keturunan. Walaupun seperti biasa antara jiran akan ada masalah tetapi ia bukanlah perkara besar yang tidak boleh diselesaikan secara persahabatan," kata Dr. Mahathir.

Pertemuan di Istana Tampaksiring yang di sekelilingnya ialah perkampungan tradisional dan pemandangan sawah padi di mana masyarakatnya berpegang kuat pada agama dan adat, memberi banyak manfaat khususnya dalam aspek mengukuh dan meningkatkan hubungan dua hala.

Dr. Mahathir dan Megawati telah menyatakan komitmen untuk menyelesaikan segala masalah yang timbul antara kedua-dua negara dengan semangat persahabatan walaupun berlaku pertukaran kepimpinan.

Mereka juga bersetuju untuk mengadakan pertemuan lebih kerap jika ada keperluan tanpa menunggu pertemuan tradisi setahun sekali antara pemimpin tertinggi kedua-dua buah negara.

Dr. Mahathir-Megawati turut menyatakan komitmen untuk terus meningkatkan usaha sama dalam bidang-bidang yang boleh menjalin hubungan lebih akrab seperti kerjasama pembekalan gas asli yang dilaksanakan antara Pertamina dan Petronas.

Bagi Dr. Mahathir, perkongsian perniagaan menang-menang yang dilakukan antara Pertamina dan Petronas adalah satu usaha yang baik kerana ia melambangkan kedua-dua buah negara bukan sahaja seka-

dar membuat kenyataan berbentuk retorik.

Bagaimanapun, yang mungkin boleh mencatatkan pertemuan itu ialah kedua-dua pihak gagal menandatangani MoU mengenai pemulangan tenaga kerja tanpa izin Indonesia sehingga menimbulkan kemarahan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi, Jacob Nuwa Wea yang meninggalkan majlis sebelum acara tamat.

Isu tenaga kerja di Indonesia memang dibincangkan dan menjadi antara agenda utama pertemuan dan Megawati sendiri telah menyatakan beliau memahami tindakan Malaysia dalam menangani isu itu.

Tetapi disebabkan beberapa masalah teknikal dan memerlukan kelulusan kabinet, MoU berkaitan yang sepatutnya ditandatangani antara Menteri Luar, Syed Hamid Albar dan Jacob tidak dapat dilakukan.

Dalam isu pemulangan tenaga kerja Indonesia yang telah menimbulkan masalah baru kepada Indonesia termasuk menambah jumlah pengangguran, republik ini dikatakan meminta Malaysia turut sama berkongsi kos penghantaran pulang rakyatnya. Tetapi memetik kata-kata Dr. Mahathir bahawa tiada negara di dunia ini yang sebaik Malaysia dalam melayani pekerja tanpa izin, cukup untuk memberi mesej permintaan seperti itu adalah berlebihan.

Katanya, Malaysia telah memberi masa yang cukup untuk pendatang tanpa izin di Malaysia yang kebanyakannya dari Indonesia kembali ke tanah air tetapi malangnya mereka menunggu saat-saat akhir untuk pulang sehingga berlaku kesesakan.

Dalam kesesakan itu, tidak dapat tidak berlaku kekasaran mungkin daripada kakitangan kerajaan Malaysia. Kita harap insiden seperti ini tidak menjadi sesuatu yang akan memburukkan hubungan antara dua jiran terdekat," katanya.

Kemarahan Jacob hanyalah masalah sampingan tetapi yang perlu diutamakan ialah kedua-dua negara sebenarnya telah mencapai tahap hubungan yang matang yang tidak mudah untuk dirosakkan. Pertemuan Dr. Mahathir dan Megawati dalam suasana akrab di Istana Tampaksiring telah membuktikannya. - Utusan